

WAKAF KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH

RM5,000,000 220 orang JOM BERWAKAF





[RESEARCH](#)

UMP raih Anugerah Khas dan 14 pingat emas dalam ITEX 2022

31 May 2022

KUALA LUMPUR, 27 Mei 2022 - Penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) raih Anugerah Khas, 14 pingat emas dan sepuluh pingat perak dalam Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi 2022 (ITEX) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 26 dan 27 Mei 2022.

Produk penyelidikan Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Che Ghani daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) bertajuk *'Smart-Steady for Efficient Agarwood Essential Oil Extraction'* raih pingat emas dan Anugerah Khas *Best Invention Universities & Educational Institutions*.

Ujar Profesor Madya Dr. Saiful, inovasi *Smart-Steady* ini digunakan untuk meningkatkan hasil pengekstrakan minyak gaharu dan dalam masa yang sama mengurangkan kos pengeluaran.

“Idea inovasi ini tercetus apabila saya terlibat sama dalam beberapa kajian membina fasiliti pemprosesan gaharu berskala industri bersama pengusaha gaharu tempatan dan luar negara.

“Perusahaan gaharu mampu dijadikan sebuah industri, contohnya, hasil kerjasama UMP di bawah Bioaromatic Research Center (BARCE) dengan PIJ Agarwood, sebuah anak syarikat negeri Johor yang kini sedang menyiapkan fasiliti pengekstrakan gaharu berkapasiti 38 sistem.

“Dengan berkembangnya industri ini di negara kita akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada komuniti,” katanya.



Dalam pada itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin turut berbangga dan merakamkan penghargaan buat para penyelidik dengan pencapaian ini.

Sebanyak 24 produk penyelidikan UMP yang dipamerkan dalam ITEX ini mendapat pengiktirafan.

Beliau hadir bertemu penyelidik dan menyaksikan sendiri hasil penyelidikan yang dipamerkan.

Turut sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli.

Penganjuran ITEX merupakan sebuah pameran tahunan reka cipta dan inovasi bertaraf antarabangsa yang dihadiri pereka cipta dari dalam dan luar negara.

**Keputusan Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi 2022
(ITEX)**



BIL	TAJUK	KATEGORI	PEMENANG	FAKULTI	ANUGERAH
1	<i>AFMA: Automated Fertilizer Mixer Through Mobile Application</i>	Pertanian	Ts. Dr. Roshahliza M Ramli	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Emas
2	<i>Lactobacillus Plantarum Probiotics for Genuine Butter Production in Food Technology</i>	Pertanian	Ts. Dr. Norazlianie Binti Sazali	Kolei Kejuruteraan	Emas
3	<i>Modified Tamanu Plants-Based Oil as Metal Working Fluids (MWFs)</i>	Automasi	Dr. Amiril Sahab Bin Abdul Sani	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik	Emas
4	<i>Manga, Re-Engineered: Innovative Comic for Stem Education</i>	Pendidikan	Dr. Luqman Hakim Ahmad Shah	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif	Emas
5	<i>CLINKROOF: The Sustainable Green Roof System Based on Palm Oil Waste Product</i>	Bangunan dan Pembinaan	Dr. Khairul Anuar Shahid	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam	Emas
6	<i>Hydrophobic Panel from Oil Palm Trunk Waste for Paneling Product (DRYPANEL)</i>	Bahan	Ts. Dr. Nurjannah Salim	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	Emas
7	<i>AuSR: Authentication and Self Recovery Software</i>	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	Ts. Dr. Ferda Ernawan	Fakulti Komputeran	Emas
8	<i>Q-CET: Quantitative Chemical Expert Tool</i>	Perubatan/Kesihatan	Ts. Dr. Hanida Abdul Aziz	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	Emas
9	<i>Monte-Carlo Simulator: Prediction Time of The Ammonia Delivery Scheduling</i>	Alam Sekitar/Tenaga	Profesor Madya Dr. Norhayati Rosli	Pusat Sains Matematik	Emas
10	<i>GREENFUEL-Pellet: Renewable Solid Biofuel from Biomass</i>	Alam Sekitar/Tenaga	Dr. Suriyati Saleh	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses	Emas
11	<i>Smart-Steady for Efficient Agarwood Essential Oil Extraction</i>	Kelengkapan	Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Che Ghani	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif	Emas

12	<i>I-ERA SYSTEM (Initial Ergonomic Risk Assessment System)</i>	Perubatan/Kesihatan	Dr. Mirta Widia	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	Emas
13	<i>Pro-B: Protective Headgear Bandana for Sepak Takraw Player</i>	Penjagaan Khas	Dr. Nasrul Hadi Johari	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif	Emas
14	<i>SUN-MQL: Sustainable Nanolubricant Minimum Quantity Lubrication System</i>	Alam Sekitar/Tenaga	Profesor Ts. Dr. Md Mustafizur Rahman	Kolej Kejuruteraan	Emas
15	<i>A Gui for Predicting the Quality Parameters of Deep Fried Foods</i>	Reka Bentuk Industri	Ts. Dr. Norazaliza Mohd Jamil	Pusat Sains Matematik	Perak
16	<i>UHF RFID Reader Antenna</i>	Telekomunikasi	En. Mohd Hisyam Mohd Ariff	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Perak
17	<i>ECO-SGcrete: Waste to Prosperity</i>	Bangunan dan Pembinaan	Ts. Dr. Mohd Faizal Md Jaafar	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam	Perak
18	<i>S-TOR: Decision Making Method for Conflicting Multi-Criteria Problem</i>	Automasi	Dr. Nor Izzati Binti Jaini	Pusat Sains Matematik	Perak
19	<i>Optimisation of SVM Using Feature Selection with Metaheuristic Algorithm to Diagnose Breast Cancer</i>	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Ict)	Dr. Noorazliza Sulaiman	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Perak
20	<i>Multiple Output of Automatic Cupping Suction System</i>	Perubatan/Kesihatan	Ts. Dr. Mohd Riduwan Ghazali	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Perak
21	<i>Microencapsulated Honey for Intelligent and Future Paint</i>	Bahan	Ts. Dr. Juliawati Alias	Kolej Kejuruteraan	Perak
22	<i>GBIOPATCH: Bio-Actives Patches Based Green Nanofiller</i>	Perubatan/Kesihatan	Dr. Siti Maznah Kabeb	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	Perak
23	<i>C-19 HIRAO: COVID-19 Hazard Identification and Assessment of Risk and Opportunities (COVID-19 Risk Management System)</i>	Perubatan/Kesihatan	Profesor Madya Dr. Ezrin Hani Sukadarin	Fakulti Sains dan Teknologi Industri	Perak

24	<i>Flood Mitigation by Pervious Concrete Pavement</i>	Bangunan dan Pembinaan	Profesor Madya Dr. Ramadhansyah Putra Jaya	Kolei Kejuruteraan	Perak
----	---	------------------------	--	-----------------------	-------

TAGS / KEYWORDS

[ITEX 2022](#)